

Bahagian A

[50 Markah]

*Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.*

1. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.

Roslan merupakan seorang peniaga trak makanan di Bandar Baru Tapah. Dia menguruskan perniagaan secara bersama dengan rakan kongsinya Jamal dan Roslan dibantu oleh seorang pekerja. Roslan dan Jamal sering berkongsi idea untuk memajukan perniagaan mereka. Masa operasi perniagaan bermula dari jam 10 pagi sehingga 10 malam. Kebanyakan pelanggannya terdiri daripada penduduk kawasan Tapah.

- i. Apakah bentuk perniagaan tersebut. [1 markah]
- ii. Jelaskan tiga kelebihan pemilikan perniagaan di 1. a (i). [3 markah]

- b) Maklumat yang berikut berkaitan dengan pekerjaan Encik Ali.

Encik Ali merupakan seorang nelayan laut dalam. Semua hasil tangkapannya akan dihantar ke kilang keropok di sekitar Manjung untuk dijadikan pelbagai jenis keropok dan dipasarkan melalui pemborong.

- i. Terangkan dua jenis sektor perniagaan yang terdapat dalam pernyataan di atas. [4 markah]
- ii. Jelaskan skala perniagaan Encik Ali. [2 markah]

2. a) Situasi yang berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dari aspek ekonomi.

Situasi A	Situasi B
Kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan.	Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan.

Jelaskan **tiga** peranan kerajaan dalam menangani masalah Situasi A. [3 markah]

- b) Terangkan **dua** kelebihan pengambilan sumber manusia luaran. [4 markah]

- c) Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Perwira Sendirian Berhad.

Syarikat Perwira Sendirian Berhad merupakan sebuah syarikat penerbitan buku. Pengarah urusannya, Encik Jazli Amirul yang berpengalaman luas dalam bidang penerbitan buku dan majalah berteraskan pendidikan. Dia tidak mementingkan prestasi perniagaan jangka pendek tetapi bertekad membentuk masyarakat yang berpengetahuan luas dalam jangka panjang. Syarikat ini mempunyai seramai 50 orang pekerja untuk menerbitkan sekurang-kurangnya 160 buah buku ilmiah pada setiap tahun.

- i. Apakah visi Syarikat Perwira Sendirian Berhad? [1 markah]
- ii. Senaraikan ciri objektif bagi Syarikat Perwira Sendirian Berhad. [2 markah]

3. a) Maklumat berikut menunjukkan misi Telekom Malaysia Berhad.

Menjadi sebuah organisasi yang memberi tumpuan kepada pelanggan dan menyediakan penyelesaian setempat yang menyeluruh.

Jelaskan tujuan penetapan misi bagi perniagaan tersebut. [4 markah]

- b) Pengurus pemasaran akan membentuk strategi pemasaran untuk meningkatkan jualan.
Terangkan **dua** campuran pemasaran. [4 markah]
- c) Apakah maksud guna tenaga. [2 markah]

4. a) Berikan **dua** peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan. [2 markah]
- b) Terangkan **dua** aspek pengelolaan sumber manusia dalam perniagaan yang mampan. [4 markah]
 - c) Terangkan prosedur untuk mengurus sumber fizikal. [4 markah]

5. a) Gambar di bawah menunjukkan jenis sumber bagi sebuah agensi pengiklanan.



- i. Berdasarkan gambar di atas, nyatakan jenis sumber bagi gambar di atas.

[2

markah]

- ii. Jelaskan tujuan mengurus sumber di 5 a.(i) [4
markah]

- b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu jenis pembiayaan.

Alicia mengambil keputusan memulakan perniagaan menjual kek secara kecil-kecilan. Beliau memerlukan modal tetapi tidak bercadang untuk membuat pinjaman daripada agensi kerajaan mahupun institusi kewangan.

- i) Apakah jenis sumber pembiayaan yang sesuai dipilih oleh Alicia? [1
markah]

- ii) Jelaskan alasan anda bagi pilihan jawapan di 5. b(i) [3
markah]

6. a) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Sate Atok, milik Encik Bakar.

Tahun	Penerangan
2010	Memulakan perniagaan menjual sate menggunakan motosikal
2014	Membuka sebuah restoran dan mempunyai empat orang pekerja
2020	Memiliki empat cawangan restoran dan menjadi pembekal sate sejuk beku di beberapa pasaraya di Perak

Terangkan **dua** ciri keperibadian usahawan yang dimiliki Encik Bakar.
[4 markah]

- b) Gambar di bawah merupakan seorang usahawan berjaya di Malaysia.



Jelaskan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya terhadap objektif perniagaan yang dijalankan oleh usahawan tersebut.

[6

markah]

Bahagian B

[30 Markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.*

7. Maklumat berikut berkaitan seorang pengusaha kilang.

Puan Chea adalah seorang pengusaha hasil laut di Pulau Pangkor, Perak. Beliau menghasilkan pelbagai jenis hasil laut yang diedarkan melalui para pemborong ke seluruh negeri Perak. Beliau menggaji seramai 15 orang pekerja tetap di kilangnya. Secara purata, hasil jualan tahunan adalah sebanyak RM750 000.

- a) Jelaskan cabaran yang mungkin dihadapi oleh Puan Chea. [4 markah]
- b) Maklumat di bawah berkaitan Encik Eswaran seorang usahawan yang berjaya.

Encik Eswaran merupakan seorang usahawan yang menjalankan perniagaan roti bersama 10 orang pekerjaanya. Pekerjaanya sentiasa mengemukakan cadangan terbaik dalam meningkatkan jualan. Hal ini menyebabkan berlaku peningkatan permintaan roti secara mendadak. Oleh yang demikian, Encik Eswaran telah membuat keputusan untuk mewujudkan jawatan baru iaitu pengurus pemasaran bagi menguruskan promosi. Beliau bercadang untuk mengambil sumber manusia luaran.

Pada pendapat anda, apakah trend perniagaan yang dialami oleh perniagaan di atas. Berikan alasan. [5 markah]

- c) Terangkan kesan kepada perniagaan akibat kegagalan mencapai matlamat dan objektif. [6 markah]

8. a) Maklumat di bawah ini diperoleh daripada dua buah syarikat dalam industri yang sama

Butiran Aset/ /Semasa dan Liabiliti Semasa	Syarikat Yuna Bhd (RM)	Syarikat Yami Bhd (RM)
Tunai di bank	1200	1500
Penghutang	500	400
Stok	100	100
Pemiutang	2000	1500

Hitungkan nisbah semasa bagi kedua-dua syarikat tersebut. [4 markah]

- b) Situasi di bawah berkaitan dengan faktor memulakan perniagaan.

Fatin merupakan anak tunggal kepada seorang usahawan berjaya iaitu Pn Umairah. Melihatkan kejayaan ibunya sebagai usahawan, Fatin ingin memulakan perniagaan sendiri setelah menamatkan persekolahannya nanti., Fatin ingin memulakan perniagaan Nasi Lemak atas talian.

- i) Huraikan faktor penyumbang yang dapat membantu Fatin memulakan perniagaan tersebut. [7 markah]

- ii) Jelaskan kelebihan yang bakal Fatin peroleh sebagai seorang usahawan. [4 markah]

9. a) Maklumat berikut mer

Baki b/b

Syarikat Heritage Sendirian Berhad yang ditubuhkan pada tahun 2010 merupakan sebuah syarikat yang menghasilkan sardin untuk pasaran seluruh negara. Syarikat mempunyai dua buah kilang yang beroperasi di Perak dan Pulau Pinang dengan bilangan pekerja seramai 120 orang. Pada tahun 2018, syarikat mencatatkan jualan tertinggi berjumlah RM45 juta. Pada tahun berikutnya, peningkatan jualan adalah sebanyak 30%, menjadi faktor menyebabkan syarikat cuba untuk memasarkan produknya ke negara Asia Tenggara. Namun pihak pengurusan perlu mempertimbangkan faktor citarasa penduduk dan undang-undang di negara-negara tersebut yang secara tidak langsung akan mengubah visi, misi dan objektif syarikat mereka.

PENERIMAAN

Jualan Tunai	80,000	B	90,000
Pinjaman	10,000	20,000	-
Jumlah Penerimaan	90,000	100,000	90,000

PEMBAYARAN

Kos Jualan	70,000	80,000	95,000
Gaji	C	10,000	10,000
Sewa	2,000	2,000	2,000
Faedah	1,520	500	500
Pembelian aset	20,000	-	-
Jumlah Pembayaran	103,520	D	107,500
	(13,520)	7,500	E
Lebihan(Kurangan)			
Baki h/b	86,480	93,980	F

Apakah nilai bagi butiran A, B, C,D,E dan F. [6 markah]

b) Terangkan pihak yang berkepentingan terhadap penyata kewangan sesebuah syarikat. [4 markah]

c) Jelaskan kepentingan menyediakan Rancangan Perniagaan. [5markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

MK Studios ialah sebuah perniagaan yang terlibat dalam bidang media dan hiburan yang diusahakan oleh En. Malek Bin Kamal. Beliau yang bermula dengan kerja-kerja belakang tabir selama 10 tahun telah mencabar diri untuk melibatkan diri secara serius dalam bidang penerbitan filem. Berbekalkan ilmu dan semangat serta dorongan yang diberikan oleh mentornya Osman Ali membuatkan dirinya amat teruja untuk melibatkan diri dalam bidang ini. Dengan berbekalkan modal sebanyak RM500 000, Encik Malek menguruskan urusan perniagaan dan dibantu oleh 15 orang pekerja.

Beliau telah melantik anak saudaranya yang baru tamat pengajian untuk menguruskan bahagian kewangan. Segala maklumat dan kos yang terlibat perlu

direkodkan supaya beliau dapat menguruskan perniagaan ini dengan lancar. Beliau telah mengarahkan anak saudaranya untuk menyimpan semua dokumen penting dalam satu fail dan perlu membuat pembayaran tepat pada masanya seperti pembayaran gaji pekerja, bil utiliti serta dokumen yang melibatkan pembelian barang sepanjang operasi perniagaan.

Beliau telah menyewa sebuah bangunan dan kemudahan untuk menjalankan operasinya. Peralatan menghasilkan filem dan teknologi maklumat dan komunikasi perlu sentiasa berada dalam keadaan yang baik bagi memastikan operasi penggambaran dapat berjalan dengan lancar. Oleh itu, beliau telah melantik dua orang pekerja untuk mengendalikan dan menjaga semua peralatan ini dengan baik. Berikut merupakan peralatan yang perlu diselenggara dengan baik:



Baru-baru ini menerbitkan satu filem yang merupakan idea

beliau telah “Kau Yang Satu” asal yang

diilhamkan oleh Encik Malek berdasarkan kehidupan peribadi beliau. Filem ini telah ditayangkan di pawagam bermula 27 Oktober lalu. Namun beliau melahirkan rasa kesal apabila menyedari filem tersebut disiarkan secara *live* di facebook selepas seorang individu didakwa membuat rakaman secara haram ketika menontonnya di sebuah panggung wayang baru-baru ini. Menurut beliau, rakaman tersebut dirakam di dalam pawagam yang tidak dapat dikenalpasti. Tindakan tidak bertanggungjawab itu telah menyebabkan produksi filem mengalami kerugian sejumlah RM2 juta. Sehubungan dengan itu, pihak produksi telah membuat laporan polis bagi mengusulkan kes itu kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan juga Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi tindakan selanjutnya.

Berdasarkan kes di atas. jawab soalan-soalan berikut:

- a) Jelaskan proses penubuhan perniagaan yang perlu diketahui oleh Encik Malek?
[7 markah]
- b) Jelaskan dua kelebihan penggunaan teknologi maklumat dalam perniagaan MK Studios?
[2 markah]
- c) Filem “Kau Yang satu” merupakan cetusan idea asal daripada kehidupan Encik Malek.
Apakah tujuan beliau menggunakan ideanya sendiri? [4 markah]
- d) Jelaskan prosedur mengurus sumber teknologi yang diperlu dilakukan oleh Encik Malek dalam operasi sesebuah perniagaan bagi melindungi karyanya? [4 markah]
- e) Nyatakan **tiga** dokumen yang perlu disimpan oleh MK Studios dalam perniagaannya.
[3 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

